



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(78)
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 13 TAHUN 2021

PENYERAHAN NOTIS RAYUAN DAN TEMPOH *WAKALAH* PEGUAM SYARIE PERAYU/ RESPONDEN BAGI KES YANG DIRAYU ATAU DISEMAK

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Penyerahan Notis Rayuan dan Tempoh *Wakalah* Peguam Syarie Perayu/ Responden bagi Kes yang Dirayu atau Disemak seperti berikut:

- i. Apabila sesuatu keputusan kes dirayu ke Mahkamah yang lebih tinggi (Mahkamah Tinggi Syariah/ Mahkamah Rayuan Syariah/ Mahkamah Utama Syariah) dan sekiranya pihak atau pihak-pihak tersebut diwakili oleh Peguam Syarie semasa prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu, *Wakalah* Peguam Syarie tersebut adalah disifatkan sebagai masih lagi berkuat kuasa setakat proses pemfailan, penyerahan dan/ atau penerimaan Notis Rayuan kerana ia adalah


sambungan kepada prosiding kes asal di Mahkamah tersebut.

Huraian: Perkataan “.....dalam prosiding yang berhubungan dengannya.” dalam Borang Wakalah Peguam Syarie (MS 5) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri bererti setakat proses pemfailan, penyerahan dan/ atau penerimaan Notis Rayuan yang berkaitan dengan kes asal (yang dirayu).

- ii. Notis Rayuan dalam Borang MS 29 hendaklah difailkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari keputusan itu diumumkan, bersekali dengan salinan *Wakalah* Peguam Syarie dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu (untuk rekod pentadbiran).
- iii. Melainkan sekiranya Perayu berhasrat melantik Peguam Syarie yang baharu dan melepaskan Peguam Syarie terdahulu dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu, maka Notis Rayuan (Borang MS 29) hendaklah difailkan bersekali dengan *Wakalah* Peguam Syarie (Borang MS 5) yang baharu dilantik itu yang telah disempurnakan berdasarkan subseksyen 34(1) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, berserta Notis Pelepasan Peguam Syarie (Borang MS 7) dalam tempoh yang dihadkan.
- iv. Notis Rayuan (Borang MS 29) yang telah difailkan tersebut hendaklah disampaikan sama ada kepada semua pihak yang terlibat dengan rayuan tersebut atau melalui Peguam Syarie (Responden) yang mewakili pihak atau pihak-pihak dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu.

- v. Sekiranya Peguam Syarie (Responden) yang mewakili pihak atau pihak-pihak dalam prosiding asal bagi kes di Mahkamah sebelum itu telah menerima salinan Notis Rayuan tersebut dan tidak berhasrat mewakili anak guamnya dalam kes rayuan tersebut, maka Peguam Syarie itu hendaklah memfailkan Notis Penarikan Diri Peguam Syarie (Borang MS 8) dan menyampaikan suatu salinan notis kepada pihak yang diwakilinya.
2. Arahan Amalan No. 2 Tahun 2004: Penggunaan *Wakalah* adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA